



## BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA

**7**  
NEGERI

**20**  
DAERAH

**69**  
PPS AKTIF

**2,435**  
KELUARGA

**8,293**  
MANGSA

**3**  
KEMATIAN

\* Data sehingga 1 Disember 2025 jam 11.59 malam & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara

**PERLIS** 🏠

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 6
Keluarga	: 388
Mangsa	: 1,364

**KEDAH** 🏠

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 2
Keluarga	: 64
Mangsa	: 219

**KELANTAN** 🏠 🌊

Daerah	: 2
PPS Aktif	: 13
Keluarga	: 92
Mangsa	: 237

**PERAK** 🏠

Daerah	: 5
PPS Aktif	: 21
Keluarga	: 1,069
Mangsa	: 3,614

**TERENGGANU** 🏠


Daerah	: 2
PPS Aktif	: 3
Keluarga	: 102
Mangsa	: 287

**SELANGOR** 🏠

Daerah	: 4
PPS Aktif	: 23
Keluarga	: 661
Mangsa	: 2,334

**PAHANG** 🏠 🌊

Daerah	: 5
PPS Aktif	: 11
Keluarga	: 59
Mangsa	: 238



**PETUNJUK**

▭ Sempadan Negeri

**INDIKATOR MANGSA (ORANG)**

🟡 1 – 1,000

🟠 1,001 – 5,000

🔴 Melebihi 5,000



**PERINCIAN MENGIKUT NEGERI**

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Perak	Banjir 🏠	Hilir Perak	10	514	1,716	Menurun
		Bagan Datuk	3	304	903	Tidak Berubah
		Manjung	4	142	506	Tidak Berubah
		Perak Tengah	3	100	464	Tidak Berubah
		Larut, Matang dan Selama	1	9	25	Tidak Berubah
		JUMLAH	21	1,069	3,614	Menurun
Selangor	Banjir 🏠	Kuala Selangor	14	542	1,929	Menurun
		Sepang	3	67	247	Meningkat
		Kuala Langat	3	36	118	Menurun
		Sabak Bernam	3	16	40	Menurun
		JUMLAH	23	661	2,334	Menurun
Perlis	Banjir 🏠	Perlis	6	388	1,364	Menurun
		JUMLAH	6	388	1,364	Menurun
Terengganu	Banjir 🏠	Kuala Terengganu	2	92	245	Menurun
		Marang	1	10	42	Tidak Berubah
		JUMLAH	3	102	287	Menurun
Kedah	Banjir 🏠	Kubang Pasu	2	64	219	Tidak Berubah
		JUMLAH	2	64	219	Tidak Berubah
Pahang	Banjir 🏠	Bera	4	34	126	Tidak Berubah
		Temerloh	4	10	40	Menurun
		Maran	1	6	25	Tidak Berubah
		Kuantan	1	1	7	Tidak Berubah
	Tanah Runtuh 🏔️	Cameron Highlands	1	8	40	Tidak Berubah
JUMLAH	11	59	202	Menurun		
Kelantan	Banjir 🏠	Pasir Mas	2	75	185	Menurun
		Tanah Runtuh 🏔️	Gua Musang	1	17	52
	JUMLAH	3	92	237	Menurun	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>69</b>	<b>2,435</b>	<b>8,293</b>	<b>Menurun</b>

\* Trend: Perbandingan dengan data 1 Disember jam 8.00 malam



## SITUASI TERKINI

- Sehingga **1 Disember 2025, jam 11.59 malam**, terdapat **20 daerah** di **tujuh negeri** yang dilanda bencana dengan **penurunan** jumlah mangsa kepada **8,293 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **13,958 mangsa** pada **30 November 2025**). Ia melibatkan **2,435 keluarga** yang ditempatkan di **69 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **menurun** berbanding **124 PPS** pada **30 November 2025**.
- Dua daerah paling teruk terjejas iaitu **Kuala Selangor, Selangor (1,929 mangsa)** dan **Hilir Perak, Perak (1,716 mangsa)** seterusnya diikuti dengan **negeri Perlis (1,364 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **tiga kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025, satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025 dan satu di Sepang, Selangor pada 30 November 2025**.



## MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima tiupan angin baratan sepanjang awal minggu ini berikutan pengaruh pergerakan Ribut Tropika Koto. Ribut Tropika Koto yang hampir pegun di Laut China Selatan dijangka bergerak ke arah barat laut dan dijangka akan diturun taraf ke lekukan tropika dalam tempoh 24 jam. Sistem ini dijangka membadai perairan Vietnam pada 2 Disember 2025.
- Pembentukan garis badai yang membawa ribut petir atau hujan lebat berserta angin kencang masih berpotensi berlaku di barat Semenanjung Malaysia, barat Sabah dan utara Sarawak pada awal pagi.

**Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**

- Pada **1 Disember 2025, tiada Amaran Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**



## IMPAK

- **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** melaporkan bahawa kebanyakan daerah yang terjejas banjir di Perak, Perlis, Terengganu, Selangor, Pahang, Kelantan dan Kedah tidak merekodkan kawasan berisiko tanah runtuh di lokasi *hotspot* atau cerun kritikal. Beberapa kawasan berisiko yang dikenal pasti termasuk Marang di Terengganu, Pinggiran Putra di Sepang, Selangor, Kuala Lipis dan Temerloh di Pahang. Kawasan lain di Perak, Perlis, Kelantan, Kedah dan Pahang tidak merekodkan sebarang kawasan berisiko.
- Bagi kejadian tanah runtuh, **tiada insiden baharu dilaporkan di seluruh negara** pada 1 Disember 2025. Tindakan pemantauan oleh JMG Negeri terus dijalankan bagi memantau situasi tanah runtuh secara berterusan di seluruh negara.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula MTL adalah sebanyak **13 kejadian** iaitu:
  1. Taman United, Jalan Sepadu 7, Seputeh, W.P. Kuala Lumpur
  2. Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Selayang, Selangor
  3. Lorong Setia 3, Kampung Setia, Selayang, Selangor
  4. Jalan Banglo, Batu Arang, Selayang, Selangor
  5. Blok D, Flat Sri Lempah, Seputeh, W.P. Kuala Lumpur
  6. Taman Aster, Cameron Highlands, Pahang
  7. KOA Sg Tiang, Cameron Highlands, Pahang
  8. Taman Bukit Berlian, Seremban, Negeri Sembilan
  9. Cameron Towers, No 5, Jln 5/58B, Bukit Gasing, Petaling, Selangor
  10. Kg. Sinulihan, Kota Kinabalu, Sabah
  11. Kampung Bukit Kapar, Klang, Selangor
  12. Perumahan Puncak Arabella, Cameron Highlands, Pahang
  13. Lot 30 & 31, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Batu Arang, Gombak, Selangor
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuhraya.

**Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)**



- **Jabatan Kerja Raya (JKR)** telah merekodkan **115 lokasi kejadian bencana yang menjejaskan infrastruktur jalan raya** sehingga 1 Disember 2025, jam 10.00 malam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 55 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 60 lokasi menjejaskan Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di 10 negeri dengan Perlis mencatatkan kejadian tertinggi (60 lokasi), diikuti oleh Pahang (13 lokasi), Kelantan (8 lokasi), Selangor (9 lokasi), Perak (11 lokasi), Pulau Pinang (6 lokasi), Kedah (5 lokasi), Terengganu (1 lokasi) Johor (1 lokasi) dan Melaka (1 lokasi).
- Jenis kejadian bencana yang paling dominan ialah banjir (52 lokasi) dan banjir kilat (27 lokasi). Selain itu, turut direkodkan cerun runtuh (21 lokasi), jalan runtuh (8 lokasi), jalan mendap (6 lokasi) serta satu (1) lokasi jambatan rosak atau runtuh. JKR sedang melaksanakan pemantauan rapi dan kerja pemulihan segera bagi memastikan keselamatan serta kebolehcapaian jalan raya dapat dipulihkan dengan pantas.

**Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)**

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melaporkan sebanyak **37 institusi pendidikan masih terjejas akibat banjir** di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Perak (15 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Pahang (5 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Kelantan (3 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Kedah (2 sekolah rendah), Selangor (1 sekolah rendah), Terengganu (2 sekolah rendah), Sabah (1 sekolah rendah) dan Sarawak (2 sekolah rendah).
- Selain itu, sebanyak 39 PPS premis sekolah masih dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Selangor (10 sekolah rendah), Perak (9 sekolah rendah), Perlis (5 sekolah rendah), Pahang (3 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Terengganu (4 sekolah rendah), Kelantan (3 sekolah rendah, 1 sekolah menengah) dan Kedah (2 sekolah rendah).
- Secara keseluruhan, seramai 836 murid masih berada di PPS premis sekolah. Pecahan mengikut negeri secara menurun adalah seperti berikut: Selangor (298 murid), Perlis (135 murid), Terengganu (126 murid), Perak (105 murid), Kelantan (69 murid), Kedah (52 murid) dan Pahang (51 murid).

**Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan bahawa sehingga 1 Disember 2025, jam 4.00 petang, hanya **satu (1) fasiliti kesihatan masih terjejas banjir** iaitu Klinik Pergigian (KP) Jenjarom, Selangor. Fasiliti tersebut telah berpindah operasi ke KP Telok Panglima Garang, Selangor bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada penduduk yang terjejas.
- Sebanyak 268 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan, terdiri daripada 120 Rapid Response Team (RRT) Perubatan, 114 RRT Kesihatan dan 34 Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS) bagi menyediakan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan dan pencegahan penyakit di PPS. Tiada wabak penyakit dilaporkan setakat ini.

**Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak **50 infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, tiga belas (13) masih tidak beroperasi, melibatkan empat (4) stesen pemancar di Perlis, tiga (3) stesen pemancar di Perak, tiga (3) stesen pemancar di Selangor, dua (2) stesen pemancar di Negeri Sembilan dan satu (1) stesen pemancar di Terengganu.
- Sejak bermulanya MTL sehingga kini, sebanyak **20 PPS telah dipasang dengan Inisiatif WiFi Percuma** oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi memastikan kelangsungan komunikasi di PPS iaitu:
  1. CelcomDigi – PPS SK Chicha Menyabong, Kota Bharu, Kelantan
  2. CelcomDigi – PPS SK Islah, Kota Bharu, Kelantan
  3. CelcomDigi – PPS SK Seribong, Kota Bharu, Kelantan
  4. CelcomDigi – PPS SK Seri Chempaka, Kota Bharu, Kelantan
  5. CelcomDigi – PPS SK Tapang, Kota Bharu, Kelantan
  6. Maxis – PPS Kubang Batang, Tumpat, Kelantan
  7. TM – PPS Bukit Payong, Marang, Terengganu
  8. TM – PPS Bukit Sawa, Marang, Terengganu
  9. TM – PPS SK Atas Tol, Kuala Terengganu, Terengganu
  10. TM – PPS SK Batu Bertangkup, Kangar, Perlis
  11. TM – PPS SK Kemasek, Kemaman, Terengganu
  12. TM – PPS SK Pa’Pura, Bachok, Kelantan
  13. TM – PPS SK Parit Mahang, Jeram, Selangor
  14. TM – PPS SK Pengkalan Chengal, Bachok, Kelantan
  15. TM – PPS SK Simpang Rawai, Marang, Terengganu



16. TM – PPS SK Seri Baru, Teluk Intan, Perak
17. TM – PPS KBS Bagan Datok, Bagan Datok, Perak
18. U Mobile – PPS SK Kok Keli, Tumpat, Kelantan
19. U Mobile – PPS SK Pa’Pura, Bachok, Kelantan
20. YTL – PPS SK Pauh Sembilan, Bachok, Kelantan

- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

**Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

- **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melaporkan beberapa kawasan di Perlis, Perak dan Selangor mengalami pemutusan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Di Perlis, kawasan terjejas di Padang Besar ialah Kg Tasoh. Di Perak, kawasan terlibat di Manjung meliputi Kilang Perabot, Ladang Golden Hope Batu 4, Kilang Sawit Sime Darby Batu 6, Kg Gloucester Batu 6, Felcra Sungkai Mati, Sekolah Menengah Batu 4 dan Sekolah Menengah Vokasional. Di Selangor, kawasan terjejas di Kuala Selangor ialah Jalan Rizab Masjid.
- Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik. TNB telah mengambil tindakan dengan memasang genset di kawasan yang selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting serta operasi respons banjir.

**Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)**



#### LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada 1 Disember 2025, **YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri** merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), bersama Ketua Pengarah NADMA telah **turun padang meninjau kawasan yang terjejas banjir di Bagan Datok, Perak**. Lawatan kerja ini bertujuan mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai situasi semasa serta menilai keberkesanan operasi pengurusan bencana yang sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD). Tinjauan turut dijalankan di tiga (3) PPS iaitu di Dewan Perdana Kompleks UMNO Bagan Datok, Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datok serta Dewan Kelab Belia dan Sukan Bagan Datok.
- YAB Timbalan Perdana Menteri turut menzahirkan rasa simpati kepada semua mangsa yang terkesan, di samping mengarahkan NADMA untuk menyegerakan pembayaran Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak termasuk mereka yang masih berada di PPS bagi meringankan beban yang ditanggung. Beliau juga berpuas hati dengan tindakan efisien pelbagai agensi kerajaan dan penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menguruskan kebajikan mangsa, yang membolehkan koordinasi bantuan dilaksanakan dengan baik dan teratur.
- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS dalam bentuk *pack food* yang diagihkan mengikut keperluan semasa. JKM turut menyalurkan pelbagai barang sumbangan bagi memastikan kebajikan mangsa sentiasa terjaga sepanjang berada di PPS.
- Bagi memastikan kelancaran pengurusan bekalan, stok makanan ditempatkan di Depoh Barang Keperluan Bencana, stor negeri dan daerah, mini kontena serta pangkalan hadapan khususnya di kawasan yang terputus hubungan. Selain itu, JKM turut menambah stok di stor daerah sebagai langkah menambah baik keperluan di PPS.
- **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di daerah yang terjejas.



- Sebanyak **dua (2) unit Pam Kecemasan Mudah Alih** telah dipasang pada 1 Disember 2025 di negeri terjejas banjir. Pada masa yang sama, sebanyak **268 unit pam sedang beroperasi** manakala **137 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga** keadaan siap siaga di negeri-negeri yang terjejas banjir untuk digerakkan mengikut keperluan semasa.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)** Pusat meneruskan mesyuarat berkala bagi menyelaraskan serta memantau situasi di negeri-negeri yang terlibat secara langsung.
- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



#### **MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

- Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak **354 pelaporan** pergerakan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan di **9 negeri**.
- NGO terbabit melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuk **pengagihan makanan dan minuman, kit kebersihan, khidmat pembersihan, khidmat kaunseling, keperluan tidur, bantuan mencari dan menyelamatkan, sokongan logistik, pasukan perubatan, pengurusan komunikasi** serta lain-lain bentuk bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.
- Secara keseluruhan, **2,829 sukarelawan** daripada **30 pertubuhan** telah melaksanakan pengoperasian dan pengagihan bantuan tersebut.



## JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	115	4x4/SUV/VAN: 3, AMBULANS/EMRS: 6, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	19	4x4/SUV/VAN: 5
		PASUKAN Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	10	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	158	4x4/SUV/VAN: 13, BOT: 8, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	30	4x4/SUV/VAN: 2, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 11, LORI/FRT/LFRT: 2, LAIN-LAIN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	118	-
2.	SELANGOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	160	4x4/SUV/VAN: 1, BOT:4, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	19	4x4/SUV/VAN: 4
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	71	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	5	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	140	-
3.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	89	4x4/SUV/VAN: 11, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	12	4x4/SUV/VAN: 4
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	705	4x4/SUV/VAN: 33, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 12, LAIN-LAIN: 3
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	63	4x4/SUV/VAN: 4, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	30	-
4.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	211	4x4/SUV/VAN: 11, BOT: 12, LORI/FRT/LFRT: 11, LAIN-LAIN: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	98	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 7
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	28	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT:1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	12	4x4/SUV/VAN: 4
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	62	-



# LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #10

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

2 DISEMBER 2025

8

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
5.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	61	4x4/SUV/VAN: 3, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	4	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	13	MOTOKAR: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	32	-
6.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	71	4x4/SUV/VAN: 10, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 7, LAIN-LAIN: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	80	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	870	4x4/SUV/VAN: 63, BOT: 62, MOTOKAR: 7
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	104	4x4/SUV/VAN: 7, AMBULANS/EMRS: 4, LORI/FRT/LFRT: 15
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	28	-
7.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	216	4x4/SUV/VAN: 21, BOT: 17
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	52	4x4/SUV/VAN: 1, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	104	4x4/SUV/VAN: 11, BOT: 11, LORI/FRT/LFRT: 4, MOTOKAR: 9, LAIN-LAIN: 9
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	8	LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	8	-
JUMLAH KESELURUHAN			3,806	<ul style="list-style-type: none"><li>• 4X4/SUV/VAN: 233</li><li>• AMBULANS/EMRS: 15</li><li>• BOT: 158</li><li>• LORI/ FRT/LFRT: 78</li><li>• MOTOKAR: 18</li><li>• LAIN-LAIN: 14</li></ul>

\* Data sehingga 1 Disember 2025 jam 11.59 malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.

Sumber: APM, ATM, SMART, PDRM, JPBM & RELA